



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref:

Ruj. Kami / Our Ref.: (1) 04/C/PD/656/4 Jil. 7

5 Jun 2024

Pk (EL) MPOB 01/2024

Semua Pemegang Lesen Kategori:

1. Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF),
2. Kilang Oleokimia Sawit (CM),
3. Peniaga Asid Lemak Sawit (DA),
4. Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF),
5. Peniaga Isirung Sawit (DK),
6. Peniaga Minyak Sawit (DL),
7. Peniaga Oleokimia Sawit (DM),
8. Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN),
9. Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT),
10. Kemudahan Simpanan Pukal (KS),
11. Makmal (LB),
12. Kilang Buah Kelapa Sawit (MF),
13. Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM),
14. Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX),
15. Kilang Penapis (RF),
16. Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit (UK); dan
17. Pengangkut Minyak Sawit (TL)

Tuan,

PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN MANDATORI PENGGUNAAN SAWIT INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (SIMS)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-132 yang diadakan pada 9 Mei 2024 telah meluluskan penguatkuasaan tambahan syarat lesen mandatori penggunaan *Sawit Intelligent Management System (SIMS)* kepada semua pemegang lesen KECUALI kategori Estet (ET), Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT) dan Kebun Kecil (SH) serta kategori Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB) dan Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB).



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November
2025 Kuala Lumpur
Convention Centre

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan tambahan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2024 [Pk (EL) MPOB 01/2024] mulai 1 Julai 2024.
4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2024 [Pk (EL) MPOB 01/2024] bagi mengelak tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah MPOB

s.k.

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS), KPK
- iii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)
- iv. Setiausaha Eksekutif Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM)
- v. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengilang Minyak Sawit Malaysia (POMA)
- vi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengeluar Minyak Makan Malaysia (MEOMA)
- vii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Peniaga Kelapa Sawit Malaysia (MOPDA)
- viii. Setiausaha Eksekutif Kumpulan Pengeluar Oleokimia Malaysia (MOMG)
- ix. Setiausaha Eksekutif Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA)
- x. Setiausaha Eksekutif Association of Used Cooking Oil Development Malaysia (AUCO)
- xi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA)
- xii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH)
- xiii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA)
- xiv. Setiausaha Eksekutif Pergabungan Persatuan Peladang (ISP)
- xv. Setiausaha Eksekutif Persatuan Penanam Kelapa Sawit Dayak Sarawak (DOPPA)
- xvi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeling	:	Pk (EL) MPOB 01/2024
Tarikh Kuatkuasa	:	1 Julai 2024
Perkara	:	PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN MANDATORI PENGGUNAAN SAWIT INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (SIMS)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Untuk memaklumkan penguatkuasaan tambahan syarat lesen mandatori penggunaan *Sawit Intelligent Management System (SIMS)* kepada semua pemegang lesen **KECUALI** kategori Estet (ET), Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT) dan Kebun Kecil (SH) serta kategori Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB) dan Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Industri kelapa sawit Malaysia telah dikenalpasti sebagai salah satu sumber utama yang menyumbang secara berterusan kepada ekonomi Malaysia. Namun demikian, industri kelapa sawit juga menghadapi pelbagai cabaran termasuk persaingan yang semakin sengit, kekurangan tenaga kerja, harga yang turun naik, kemajuan teknologi yang pesat dan kebimbangan terhadap alam sekitar. Cabaran-cabaran ini memberikan tekanan yang ketara kepada industri secara keseluruhan.
- 2.2 Pada masa yang sama, industri kelapa sawit bergelut dengan amalan pematuhan peraturan secara manual, teknologi yang tidak seiring dengan sistem semasa dan kekurangan penyepaduan sistem. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk pembangunan sistem pengurusan maklumat berpusat.
- 2.3 Dengan memanfaatkan teknologi terkini, pembangunan SIMS bertujuan untuk menangani keperluan pihak yang berkepentingan. Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, memperkemas proses dan memenuhi keperluan industri kelapa sawit yang semakin berkembang.

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpob.gov.my



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.4 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga ke-132 yang diadakan pada 9 Mei 2024 telah memutuskan untuk menguatkuasakan tambahan syarat lesen mandatori penggunaan *Sawit Intelligent Management System (SIMS)* kepada semua pemegang lesen **KECUALI** kategori Estet (ET), Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT) dan Kebun Kecil (SH) serta kategori Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB) dan Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB).

3.0 PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan tambahan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi semua pemegang lesen **KECUALI** kategori Estet (ET), Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT) dan Kebun Kecil (SH) serta kategori Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB) dan Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB) seperti berikut:

Tambahan syarat lesen:

“Pemegang lesen hendaklah, berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, menyenggarakan dan mengemaskinikan setiap hari butir-butir rekod harian yang lengkap, benar dan tepat secara elektronik menggunakan sistem yang ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah diterima oleh Lembaga tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari bekerja berikutnya.”

- 3.2 Sistem SIMS ini boleh diakses melalui pautan <http://sims.mpopb.gov.my>
- 3.3 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar apa-apa syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpopb.gov.my



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2024 [Pk (EL) MPOB 01/2024] adalah terpakai kepada semua pemegang lesen KECUALI kategori Estet (ET), Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT) dan Kebun Kecil (SH) serta kategori Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB) dan Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB).

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2024**.
- 5.2 Walau apapun, pihak industri diberi tempoh bertenang selama enam (6) bulan bagi tujuan familiarisasi SIMS. Tindakan penguatkuasaan hanya akan dilaksanakan bermula pada **1 Januari 2025**.

6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: **5 JUN 2024**

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpos.gov.my